

# Sambutan Kuih Bulan 2009

 Aizatul Akma Wani Ariffin

Pada 18 Oktober 2009 yang lalu, Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2008/2009 dengan kerjasama Majlis Penghuni Kolej-kolej Kediaman telah menganjurkan Sambutan Kuih Bulan 2009 bertempat di Dewan Kapitol, Kangar. Program ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Program ini turut hadir oleh En. Razli bin Ahmad, Dekan HEPA, En. Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah, Timbalan Dekan HEPA dan En. Mohamad Shabudin Mohamad Noor, Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan HEPA. Turut hadir memeriahkan lagi Sambutan Kuih Bulan 2009 adalah pelajar-pelajar dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Pelbagai tarian tradisional Cina dan moden dipersembahkan termasuk sketsa dan persembahan Karate dari pelajar UniMAP. Dengan penganjuran program seumpama ini adalah diharapkan dapat mengeratkan hubungan dan perpaduan pelajar pelbagai kaum di UniMAP. Telah menjadi amalan di UniMAP setiap tahun para pelajar akan menganjurkan program yang menonjolkan budaya dan tradisi pelbagai kaum ini sebagai pemangkin dalam merealisasikan UniMAP sebagai "Juara Perpaduan".

